

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 29 February 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 29 Februari 2024 melainkan jika dinyatakan

Objective / Objektif Dana

Takafulink Dana Urus is a managed fund that seeks to maximise returns over medium to long term. This is achieved by investing in Shariah-approved shares and securities through Takafulink Dana Ekuiti and Takafulink Dana Sukuk and in any other such Takafulink funds that may become available in the future. Suitable for participants with moderate to high risk tolerance and medium to long term investment horizon.


Takafulink Dana Urus adalah satu dana yang diuruskan untuk memaksimumkan pulangan di dalam jangka masa sederhana ke panjang. Ia dicapai dengan pelaburan di dalam saham dan sekuriti berlandaskan Shariah melalui Takafulink Dana Ekuiti dan Takafulink Dana Sukuk serta dana-dana Takafulink yang lain yang mungkin disediakan di masa hadapan. Dana ini adalah untuk para peserta yang mempunyai daya toleransi sederhana ke tinggi dan ingin melabur di dalam jangka masa sederhana ke panjang.

Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

| | |
|---|--|
| Investment Manager / Pengurus Pelaburan | Eastspring AI-Wara' Investments Berhad |
| Inception Date / Tarikh Diterbitkan | 01/12/2006 |
| Current Fund Size / Saiz Dana Terkini | RM625,156,094.20 |
| Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan | 1.30% per annum |
| Current NAV / NAB Terkini | RM2.29056 |

How the Fund has performed / Prestasi Dana


Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana
Takafulink Dana Urus Vs. 80% FBMSHA + 20% 12 MTH MBB Islamic Term Deposit Rate



Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

| | 1 month | 3 months | 6 months | 1 year | 3 years | 5 years | Since Inception |
|-------------------------------------|---------|----------|----------|--------|---------|---------|-----------------|
| Price Movement / Pergerakan Harga | 1.90% | 4.33% | 4.67% | 6.25% | -1.36% | 13.69% | 129.06% |
| Benchmark / Penanda Aras | 1.82% | 4.53% | 4.76% | 6.04% | -7.49% | 1.70% | 62.61% |
| Outperformance / Perbezaan Prestasi | 0.08% | -0.20% | -0.09% | 0.21% | 6.13% | 11.99% | 66.45% |

Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation Peruntukan Aset

| | % NAV |
|--------------------------|-------|
| 1 Takafulink Dana Ekuiti | 79.02 |
| 2 Takafulink Dana Sukuk | 20.98 |

Takafulink Dana Ekuiti Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

| | % |
|-----------------------------------|------|
| 1 Tenaga Nasional Berhad | 8.28 |
| 2 IHH Healthcare Berhad | 4.81 |
| 3 Telekom Malaysia Berhad | 4.29 |
| 4 PETRONAS Gas Berhad | 4.05 |
| 5 PETRONAS Chemicals Group Berhad | 4.01 |
| 6 TIME dotCom Berhad | 3.80 |
| 7 Sime Darby Plantation Berhad | 3.67 |
| 8 Press Metal Berhad | 3.51 |
| 9 Inari Amertron Berhad | 3.12 |
| 10 PPB Group Berhad | 3.08 |

Takafulink Dana Sukuk Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

| | % |
|--------------------------------------|------|
| 1 Sarawak Energy Berhad | 3.40 |
| 2 DanaInfra Nasional Berhad | 3.00 |
| 3 AEON Credit Service (M) Sdn Bhd | 2.72 |
| 4 YTL Power International Berhad | 2.27 |
| 5 Danum Capital Berhad | 2.20 |
| 6 AmIslamic Bank Berhad | 2.16 |
| 7 Edra Energy Sdn Bhd | 2.12 |
| 8 PONSIB Capital Berhad | 2.08 |
| 9 Pengurusan Air SPV Berhad | 2.04 |
| 10 Projek Lebuhraya Usahasama Berhad | 2.01 |

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 29 February 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 29 Februari 2024 melainkan jika dinyatakan

Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

Equity

Market Review

Malaysian equity markets continued its uptrend, reporting a gain for the second month in 2024, and has been reporting monthly gains for the last 5 consecutive months. The Lunar New Year holidays were in February, making a short month even shorter. February also saw corporate earnings reported which were a bit mixed, with weak earnings from plantations and petrochemicals companies. The changes to the MSCI indices as a result of their quarterly index rebalance saw YTL Corp and YTL Power added to the MSCI Asia Pacific Index, whilst Dialog was deleted. The Malaysian Ringgit hit a 26-year low versus the US dollar during the month, at levels last seen during the Asian Financial Crisis. The FBM Emas Shariah Index closed the month at 11,527.99, up 2.19% mom. The FBM Small Cap Shariah index gained 0.66% for the month and underperformed the FBM Emas Shariah Index.

Market Outlook

Global political issues continue to fester, without any resolution on the Russia-Ukraine conflict, and US-China relations remain tense. The ongoing Palestine-Israel conflict has added complications to the mix, resulting in the Red-Sea conflict that has an impact adding to sea-based transport. There are still some diverging views on the risk of a recession, but for now given the continued resilience of the US economic data, and the persistent stickiness of inflation, investors are now expecting a soft landing in the US. Note that 2024 will be a year of many elections taking place globally, hence something for investors to monitor but so far elections results have been within expectations. Domestically, equity markets have started the new year positive note so far, with investor sentiment improving running on themes relating to Johor, and NETR. We have some concerns on the roll out of PADU where registrations have been poor, which may impact the timing of execution (originally 2H2024) of rolling out the subsidy rationalization, increasing the risk of policy execution for the various new measures and policies as announced by the government. Persistent inflation will likely continue to be a bug-bear for the market especially in the 2H2024 when the targeted petrol subsidies are expected to roll out, and tighter household disposable incomes will continue to plague demand. The Palestine-Israel conflict has also resulted in boycotts of sales of those deemed to be supporting Israel, such as many fast food and coffee franchises. This may have an impact on employment and wages from these businesses if this boycott continues for long. Nevertheless, we remain cautiously optimistic, and any correction in the market will provide us the opportunity to accumulate fundamentally sound stocks.

Fixed Income

Market Review

The Malaysian Government Securities ("MGS") yield curve bear flattened as front to mid end yields rose more than the long end yields amid weakness in both the US Treasuries and Ringgit. Overall sentiment in the market was dampened as the market reduced its expectations on the number of rate cuts by the Federal Reserve this year. The 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- and 30-year benchmarks closed at 3.47% (+3bps), 3.64% (+3bps), 3.77% (+4bps), 3.88% (+8bps), 4.02% (+4bps), 4.10% (+2bps) and 4.21% (-1bps), respectively in February. Meanwhile, the Malaysian Government Investment Issue ("MGII") yield curve also bear flattened in February as front to mid end yields rose by 1-5bps. The 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- and 30-year MGII closed at 3.52% (+5bps), 3.66% (+5bps), 3.79% (+1bps), 3.88% (+4bps), 4.01% (+3bps), 4.14% (+1bps), 4.32% (unch.) respectively during the month. The final GDP print showed 4Q2023 GDP growth at 3% YoY, lower than 3.4% indicated by the advance estimate. The full year 2023 GDP growth was thus revised to 3.7% as compared to the government's projection of 4-5% growth. Falling exports amid rising imports were the main cause of the downward revision. The decline in net exports deepened further to -35.6% YoY in 4Q (3Q: -22.7% YoY) arising from a larger drop in exports of goods and services (-6.3% YoY) as compared to imports (-2.9% YoY). Overall, the 2023, growth moderated due mainly to slower global trade, the global tech downcycle, geopolitical tensions and tighter monetary policies. Headline inflation stabilized for the third straight month at 1.5% YoY in January 2024 (December 2023: 1.5%). Slower increase in food and non-alcoholic beverages and easing restaurants and hotels largely offset stronger price pressures for transport and housing and utilities. Meanwhile, core inflation tapered off to 1.8% YoY in January from 1.9% in December 2023. Malaysia's industrial production index ("IPI") inched down by 0.1% YoY in December 2023 (November 2023: 0.6% YoY). The decline was mainly due to a contraction in the manufacturing sector arising from a lower production in E&E and petroleum, chemical, rubber & plastics. For 2023, industrial production grew by 0.9%, easing sharply 6.7% expansion in 2022. Exports grew for the first time since March 2023 at 8.7% YoY in January (December 2023: -10.1%) exceeded market expectations by 3%. The improvement was mainly driven by turnaround in manufacturing and commodities exports. Manufactured exports rebounded as supported by growth in non-E&E exports and smaller contraction in E&E exports. Increase in commodities exports was spurred by higher palm oil exports. Geographically, exports to US grew at 11.9% YoY in January (December 2023: -5.3% YoY) while exports to ASEAN also turned around with a 9.5% YoY increase (December 2023: -12.6%YoY). Meanwhile, imports continued to grow for the fifth straight month at 18.8% YoY in January (December 2023: 2.9%). Overall, trade surplus stood at RM10.1 billion in January, smallest surplus since May 2020, with the growth in imports outpaced exports.

Market Outlook

The next Monetary Policy Committee ("MPC") meeting will be on 6th & 7th March where general expectations are overnight policy rate ("OPR") will stay put at 3.00%. We expect Bank Negara Malaysia ("BNM") to keep OPR unchanged at 3.00% to strengthen economic growth. BNM is expected to release its Annual Report 2023 on 20th March 2024 which could provide new guidance on official macro forecast. Meanwhile, February trade data and headline inflation will be released on 18th March and 25th March respectively. Meanwhile, there will be three government auctions in March with an estimated net issuances of about RM14.5 billion which are focused towards the mid to longer end of the curve (i.e. 15-year MGII 9/39, 10-year MGS 11/33 and 30-year MGII 3/54). Both 15-year MGII9/39 and 30-year MGII 3/54 will be the new benchmarks for the year and these issues will be supported by insurance funds and investment books to match long-term liabilities. Upcoming corporate bond and sukuk maturity in March is estimated about RM4.9 billion (including commercial papers) and the corporate sukuk supply profile continues to be benign, which could reduce the pressure to reprice credit risk. Overall demand for corporate sukuk remained healthy as investors continued to seek yields, particularly above the 4% handle. Credit spreads tightened across tenor and rating bands by 1-10bps during the month and continued to remain below the long-term averages. Credit spreads are expected to remain compressed as OPR is expected to remain unchanged for most of 2024, which would limit movements in benchmark MGS. Corporate sukuks primary issuances will continue to focus on higher rated issuances, while lower rated sukuks with healthy credit fundamentals will be highly sought after which could suppress spreads further.

Fund Review & Strategy

The Fund returned 1.90% for the month, outperforming the benchmark return of 1.82% by 0.08%. Year-to-date, the fund returned 3.67%, underperforming the benchmark return of 4.02% by 0.35%. The underperformance in February was mainly due to the underperformance in the equity portion against its benchmark. As of end-February 2024, the Fund has 79.0% exposure in equities and 21.0% in sukuk.

Ekuiti

Tinjauan Bulanan

Pasaran ekuiti Malaysia meneruskan aliran peningkatannya, lalu melaporkan keuntungan pada bulan kedua 2024, sambil melaporkan keuntungan bulanan berturut-turut sejak lima bulan yang lalu. Cuti Tahun Baru China pada Februari, menjadikan ia bulan yang sedia pendek semakin pendek. Februari juga menyaksikan pelaporan pendapatan korporat yang bercampur-campur sedikit, dengan pendapatan syarikat perladangan dan petrokimia yang lemah. Perubahan ke atas indeks MSCI berikutan pengimbangan semula indeks suku tahunannya merakamkan YTL Corp dan YTL Power ditambah kepada

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 29 February 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 29 Februari 2024 melainkan jika dinyatakan

Indeks MSCI Asia Pasifik, manakala Dialog dikeluarkan. Ringgit Malaysia mencecah paras terendah 26 tahun berbanding dolar US pada bulan ini yang terakhir dilihat semasa Krisis Kewangan Asia. Indeks FBM Emas Syariah menutup bulan pada 11,527.99, naik 2.19% MoM. Indeks FBM Small Cap Syariah meraih 0.66% pada bulan ini namun tidak mengatasi prestasi Indeks FBM Emas Syariah.

Gambaran Bulanan

Isu politik global terus meruncing tanpa sebarang penyelesaian ke atas konflik Rusia-Ukraine, sementara hubungan US-China kekal tegang. Konflik Palestin-Israel yang berterusan semakin mengusutkan keadaan, lalu mengakibatkan konflik Laut Merah memberi kesan tambahan ke atas pengangkutan laut. Masih terdapat beberapa pandangan yang berbeza tentang risiko kemelesetan tetapi buat masa ini, memandangkan data ekonomi US yang masih lagi mampan, di samping tekanan inflasi yang berterusan, pelabur kini menjangkakan pendaratan lembut di US. Perlu di ambil perhatian bahawa 2024 merupakan tahun pilihan raya di sebilangan negara seluruh dunia, justeru pelabur perlu memantaunya namun setakat ini, keputusan pilihan raya seperti jangkaan. Di dalam negeri, pasaran ekuiti menguak tirai tahun baru dengan nota positif setakat ini, dengan sentimen pelabur bertambah baik seiring tema berkaitan Johor, dan NETR. Kami sedikit ragu tentang pelancaran PADU yang merekodkan angka pendaftaran kecil, maka mungkin memberi kesan kepada tempoh pelaksanaan (asalnya pada 2H2024) untuk melancarkan rasionalisasi subsidi, lalu meningkatkan risiko pelaksanaan dasar ke atas pelbagai langkah dan dasar baharu seperti yang diumumkan oleh kerajaan. Inflasi yang berterusan mungkin akan terus menjadi igauan pasaran terutamanya pada 2H2024 apabila subsidi petrol yang disasarkan dijangka akan dilancarkan, manakala pendapatan boleh guna isi rumah yang lebih kecil akan terus membelunggu permintaan. Konflik Palestin-Israel juga telah mengakibatkan jualan mereka yang dianggap menyokong Israel diboikot, seperti kebanyakan francais makanan segera dan kopi. Ia mungkin memberi kesan ke atas pekerjaan dan gaji perniagaan ini jika boikot ini berlanjutan dalam tempoh yang lama. Namun begitu, kami kekal optimistik namun berhati-hati, sementara apa-apa pembetulan dalam pasaran akan memberi kami peluang untuk mengumpul saham yang kukuh pada asasnya.

Pendapatan Tetap

Tinjauan Bulanan

Keluk hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia ("MGS") mendarat apabila hasil tempoh hadapan hingga pertengahan meningkat lebih tinggi daripada hasil tempoh panjang di tengah-tengah kelemahan kedua-dua Perbendaharaan US dan Ringgit. Sentimen keseluruhan pasaran lembap apabila pasaran mengurangkan jangkaan terhadap jumlah pemotongan kadar oleh Rizab Persekutuan tahun ini. Penanda aras 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- dan 30 tahun masing-masing ditutup pada 3.47% (+3bps), 3.64% (+3bps), 3.77% (+4bps), 3.88% (+ 8bps), 4.02% (+4bps), 4.10% (+2bps) dan 4.21% (-1bps), pada Februari. Sementara itu, keluk hasil Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia ("MGII") juga mendarat pada Februari apabila hasil tempoh hadapan hingga pertengahan meningkat sebanyak 1-5bps. MGII 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- dan 30 tahun masing-masing ditutup pada 3.52% (+5bps), 3.66% (+5bps), 3.79% (+1bps), 3.88% (+ 4bps), 4.01% (+3bps), 4.14% (+1bps), 4.32% (tidak berubah) pada bulan tersebut. Cetakan KDNK akhir menunjukkan pertumbuhan KDNK 4Q2023 pada 3% YoY, lebih rendah daripada 3.4% seperti yang ditunjukkan oleh anggaran awal. Oleh itu, pertumbuhan KDNK setahun penuh 2023 disemak kepada 3.7% berbanding unjuran pertumbuhan kerajaan sebanyak 4-5% pertumbuhan. Kejatuhan eksport di tengah-tengah peningkatan import adalah punca utama semakan menurun. Kemosotan eksport bersih semakin mendalam kepada -35.6% YoY pada Q4 (Q3: -22.7% YoY) berikutan penurunan eksport barangan dan perkhidmatan yang lebih besar (-6.3% YoY) berbanding import (-2.9% YoY). Secara keseluruhan, pertumbuhan 2023 menjadi sederhana disebabkan terutamanya oleh perdagangan global yang lebih perlahan, kitaran menurun teknologi global, ketegangan geopolitik dan dasar monetari yang lebih ketat. Inflasi keseluruhan stabil pada bulan ketiga berturut-turut iaitu 1.5% YoY pada Januari 2024 (Disember 2023: 1.5%). Peningkatan makanan dan minuman bukan beralkohol yang lebih perlahan dan kurangnya kunjungan ke restoran dan hotel sebahagian besarnya mengimbangi tekanan harga yang lebih kuat ke atas pengangkutan dan perumahan serta utiliti. Sementara itu, inflasi teras berkurangan kepada 1.8% YoY pada Januari daripada 1.9% pada Disember 2023. Indeks pengeluaran perindustrian ("IPI") Malaysia turun 0.1% YoY pada Disember 2023 (November 2023: 0.6% YoY). Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh penguncupan sektor pembuatan yang berpunca daripada pengeluaran E&E dan petroleum, kimia, getah & plastik yang lebih rendah. Bagi tahun 2023, pengeluaran perindustrian meningkat sebanyak 0.9%, mengurangkan pengembangan 6.7% pada tahun 2022 secara mendadak. Eksport berkembang buat kali pertama sejak Mac 2023 pada 8.7% YoY pada Januari (Disember 2023: -10.1%) melebihi jangkaan pasaran sebanyak 3%. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh pemulihan eksport pembuatan dan komoditi. Eksport perkilangan melonjak kerana disokong oleh pertumbuhan eksport bukan E&E dan penguncupan eksport E&E yang lebih kecil. Peningkatan eksport komoditi dirangsang oleh eksport minyak sawit yang lebih tinggi. Dari segi geografi, eksport ke US meningkat 11.9% YoY pada Januari (Disember 2023: -5.3% YoY) manakala eksport ke ASEAN juga berubah dengan peningkatan 9.5% YoY (Disember 2023: -12.6%YoY). Sementara itu, import terus berkembang buat bulan kelima berturut-turut, 18.8% YoY pada Januari (Disember 2023: 2.9%). Secara keseluruhan, lebihan dagangan berjumlah RM10.1 bilion pada Januari, lebihan terkecil sejak Mei 2020, dengan pertumbuhan import mendahului eksport.

Gambaran Bulanan

Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari ("MPC") seterusnya akan diadakan pada 6 & 7 Mac yang mana jangkaan umum Kadar Dasar Semalaman ("OPR") akan kekal pada 3.00%. Kami menjangkakan Bank Negara Malaysia ("BNM") akan mengekalkan OPR pada 3.00% untuk mengukuhkan pertumbuhan ekonomi. BNM dijangka akan mengeluarkan Laporan Tahunan 2023 pada 20 Mac 2024 yang boleh memberikan panduan baharu mengenai ramalan makro rasmi. Sementara itu, data perdagangan Februari dan inflasi keseluruhan, masing-masing akan dikeluarkan pada 18 Mac dan 25 Mac. Sementara itu, terdapat tiga lelongan kerajaan pada Mac dengan anggaran terbitan bersih kira-kira RM14.5 bilion, yang tertumpu pada pertengahan hingga akhir keluk lebih panjang (iaitu MGII 9/39 15 tahun, MGS 11/33 10 tahun dan MGII 3/54 30 tahun). Kedua-dua MGII/39 15 tahun dan MGII 3/54 30 tahun akan menjadi penanda aras baharu bagi tahun ini dan terbitan ini akan disokong oleh dana insurans dan buku pelaburan untuk disesuaikan dengan liabiliti jangka panjang. Bon korporat dan sukuk yang akan matang pada Mac dianggarkan kira-kira RM4.9 bilion (termasuk kertas komersil) dan profil penawaran sukuk korporat terus sederhana, lalu boleh mengurangkan tekanan untuk menilai semula risiko kredit. Permintaan keseluruhan ke atas sukuk korporat kekal sihat apabila pelabur terus memburu hasil, terutamanya melebihi paras 4%. Spread kredit mengetat merentas tenor dan jalur penarafan 1-10 bps pada bulan tersebut dan terus kekal di bawah purata jangka panjang. Spread kredit dijangka kekal termampat kerana OPR dijangka akan tidak berubah hampir sepanjang tahun 2024, lalu akan mengehendkan pergerakan penanda aras MGS. Terbitan utama sukuk korporat akan terus tertumpu pada terbitan bertaraf lebih tinggi, manakala sukuk bertaraf rendah dengan asas kredit yang sihat akan diburu lalu boleh menyekat spread selanjutnya.

Tinjauan & Strategi Dana

Dana manjana pulangan 1.90% pada bulan ini, mengatasi pulangan penanda aras 1.82% dengan perbezaan 0.08%. Sejak awal tahun sehingga bulan tinjauan, Dana memulangkan 3.67%, tidak mengatasi pulangan penanda aras 4.02% dengan perbezaan 0.35%. Prestasi lesu pada Februari disebabkan terutamanya oleh kemosotan pencapaian dalam bahagian ekuiti berbanding penanda arasnya. Sehingga akhir Februari 2024, Dana mempunyai 79.0% pendedahan dalam ekuiti dan 21.0% dalam sukuk.

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 29 February 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 29 Februari 2024 melainkan jika dinyatakan

Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL